

19 maut akibat denggi

Bayi lapan bulan, warga emas 95 tahun antara mangsa nyamuk aedes

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

Bayi perempuan berusia lapan bulan antara 19 mangsa yang maut akibat denggi mengikut statistik yang dikeluarkan awal tahun ini hingga bulan lepas.

Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar berkata, warga emas wanita berumur 95 tahun antara mangsa paling tua yang maut bagi tempoh sama.

Menurutnya, demam denggi luar biasa di negeri itu sehingga akhir bulan Ogos mencatatkan



Mohd Khuzzan (tengah) bersama mereka yang terlibat Sambutan Hari Denggi Asean Peringkat negeri Johor 2019 di Taman Adda Height semalam.

7,761 kes dan 19 kematian didaftarkan.

"Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 101 peratus bagi kes denggi dan 58 peratus kematian berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

"Jumlah keseluruhan wabak adalah sebanyak 1,016 dan 65 peratus adalah wabak melebihi 30 hari atau hotspot," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Denggi Asean Peringkat negeri Johor 2019 di Dewan Mu-

afakat Johor, Taman Adda Height semalam.

Mohd Khuzzan berkata, sebanyak 13,700 premis kediaman, iaitu 3.9 peratus rumah ada pembiakan aedes manakala sebanyak 1,371 atau 61 peratus dari tanah

Jumlah keseluruhan wabak:

1,016

Premis diperiksa:

13,700

Tanah kosong diperiksa:

1,371

lot kosong dan bahu jalan yang diperiksa juga positif pembiakan aedes.

"Sebanyak 378 atau 90.2 peratus lokasi pembuangan sampah juga dikesan positif jentik-jentik aedes, 55 di rumah ibadat dan 28 membabitkan taman rekreasi.

"Selain itu, 297 sekolah serta 380 tempat tumpuan awam turut didapati positif pembiakan nyamuk itu," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin kematian akibat denggi boleh diturunkan hasil usaha semua pihak.